



Garis Panduan Pertandingan Logo Park@Perak





GARIS PANDUAN
PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO PARK@PERAK
PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

1. PENYERTAAN

Penyertaan Pertandingan Mencipta Logo Park@Perak ini adalah terbuka kepada semua warga yang lahir dan/ atau bermastautin di Negeri Perak.

2. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- 2.1. Setiap individu boleh menghantar hanya satu (1) penyertaan sahaja untuk memenangi hadiah utama.
- 2.2. Setiap logo hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:
 - (i) Mengandungi perkataan “Park@Perak”;
 - (ii) Fokus kepada pendigitalan pembayaran caj tempat letak kereta Negeri Perak;
 - (iii) Menekankan budaya kreatif dan inovatif yang berkonsepkan futuristik;
 - (iv) **KARYA ASLI PESERTA** dan tidak diplagiat/ diciplak dari mana-mana logo tempatan maupun luar negara; dan
 - (v) Disertai dengan penerangan yang jelas dan tepat (tidak melebihi 30 patah perkataan).
- 2.3. Pihak urusetia tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Panel Penilai/ Urusetia berhak untuk menolak penyertaan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ diciplak.
- 2.4. Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang seperti di **Lampiran A**.
- 2.5. Penyertaan hendaklah dikemukakan secara emel ke alamat **logoparkperak@gmail.com**
- 2.6. Panel Penilai/ Urusetia tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.



GARIS PANDUAN
PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO PARK@PERAK
PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

3. SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO

- 3.1. Reka bentuk logo mestilah baru, asli dan **TIDAK** mengandungi unsur yang dianggap sensitif merangkumi penggunaan logo mahu pun perkataan yang tidak sopan dan menyentuh sensitiviti kaum, budaya dan agama.
- 3.2. Peserta bebas untuk mengemukakan logo bersifat dinamik serta selari dengan matlamat pelaksanaan pertandingan.
- 3.3. Logo berkenaan wajib menggunakan perkataan Park@Perak.
- 3.4. Bercirikan unsur budaya kreatif, inovatif dan futuristik.
- 3.5. Saiz rekaan logo adalah bersaiz segi empat sama atau bulat (ratio 1:1).
- 3.6. Reka bentuk logo hendaklah direka cipta menggunakan aplikasi komputer grafik mengikut standard PNG dan AI (minimum resolusi 1080 pixel).
- 3.7. Logo tersebut hendaklah dihantar dalam bentuk *softcopy* mengikut format PNG, AI dan PDF (beserta borang penyertaan yang lengkap).
- 3.8. Reka bentuk logo hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.
- 3.9. Setiap warna dan bentuk yang digunakan dalam rekaan logo hendaklah disertakan dengan definisi bagi setiap simbol atau warna yang digunakan.
- 3.10. Menggambarkan identiti Negeri Perak dan sesuai untuk digunakan dalam mempromosikan budaya pendigitalan di Negeri Perak.

4. HADIAH

| KEDUDUKAN | KATEGORI PENCIPTAAN |
|--------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Johan | <ul style="list-style-type: none">• RM 1000.00• Sijil Penghargaan |
| Naib Johan | <ul style="list-style-type: none">• RM 700.00• Sijil Penghargaan |
| Tempat Ketiga | <ul style="list-style-type: none">• RM 300.00• Sijil Penghargaan |
| 10 Hadiah Saguhati | <ul style="list-style-type: none">• Pas Bulanan (1 bulan)• Sijil Penghargaan |



GARIS PANDUAN
PERTANDINGAN MENCINTA LOGO PARK@PERAK
PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

5. KEPUTUSAN PERTANDINGAN

- 5.1. Keputusan Panel Penilai adalah muktamad dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.
- 5.2. Panel Penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat penyertaan yang ditetapkan.
- 5.3. Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk LOGO sekiranya perlu dan LOGO yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi hak milik mutlak Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan tiada sebarang tuntutan royalti daripada pemenang.
- 5.4. Pemenang akan dimaklumkan secara rasmi melalui emel oleh urusetia pertandingan pada bulan Mei 2022.
- 5.5. Keputusan akan dihebahkan melalui Portal Perak.

6. TATACARA PERMOHONAN

Melengkapkan borang penyertaan seperti di **Lampiran A** bersama reka bentuk logo dan mengembalikan sebelum atau pada **18 April 2022 (Isnin)** ke:

Emel: **logoparkperak@gmail.com**

7. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi:

No. Tel. : 05- 209 5842 (Pn. Nurul Hawa)
05- 209 5848 (En. Shahafzan)
05- 225 4388 (Pn. Hafidah)

LAMPIRAN A**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO PARK@PERAK
NEGERI PERAK**

| | |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| Nama Peserta | : |
| No Kad Pengenalan | : |
| Alamat | : |
| No. Tel. Bimbit | : |
| E-mel | : |
| Pengesahan: <p>Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar mana-mana syarat pertandingan ini. Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.</p> | |
| TANDATANGAN | : |
| NAMA | : |
| TARIKH | : |